

**CABARAN PEMASARAN PRODUK HALAL DI MALAYSIA: KAJIAN KES DI SYARIKAT
FAIZA SDN BHD**

***CHALLENGES OF HALAL PRODUCTS MARKETING IN MALAYSIA: A CASE STUDY AT
FAIZA SDN BHD COMPANY***

^{i,*} Puteri Balqis Binti Hasani, ⁱⁱ Nur Fatin Nabilah Shahrom, ⁱⁱⁱ Afiqah Binti Haris, ^{iv} Nurul Alia Atiqah Binti Kasmi & ^v Nurul Nabila Binti Mohd Azhar

^{i ii iii iv v} Department of Islamic Studies, Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor, 45600 Bestari Jaya Selangor, Malaysia.

*(Corresponding author) e-mail: puteribalqishasani@gmail.com

ABSTRACT

Competition in marketing or business has prompted companies to allocate commitments to the production of halal products. This has driven Faiza Sdn. Bhd (FAIZA company) to emphasize the halal product certification process to effectively face intense competition. This interview study was conducted to identify the company's marketing channels, strategies employed in marketing halal products, and the challenges faced by the company in promoting halal products to establish a global reputation. The study involved a face-to-face interview with an informant holding a managerial position at the central branch of FAIZA. Data collection was based on face-to-face interviews, providing comprehensive information related to the company's development, challenges, expectations, and more. Therefore, this study is expected to serve as an example for other halal product marketing companies, while also contributing to the increased production of high-quality halal products.

Keywords: *Faiza Sdn. Bhd. Company; processing; quality; halal certification*

ABSTRAK

Persaingan dalam sesebuah pemasaran atau perniagaan telah memberikan satu dorongan kepada syarikat-syarikat untuk mengagihkan komitmen terhadap sesuatu penghasilan produk halal. Hal ini telah mendorong syarikat Faiza Sdn. Bhd (syarikat FAIZA) untuk mengetengahkan pengkualitian produk halal yang telah dihasilkan supaya persaingan yang banyak dapat dihadapi dengan lebih efektif. Kajian temu bual ini dijalankan bagi mengenalpasti medium pemasaran syarikat, strategi yang digunakan oleh syarikat dalam pemasaran produk halal serta cabaran syarikat dalam mempromodikan produk halal sehingga syarikat berjaya menempa nama di peringkat global. Kajian ini melibatkan temu bual bersemuka bersama seorang informan yang menjawat jawatan sebagai pengurus syarikat FAIZA cawangan tengah. Kaedah pengumpulan data adalah berdasarkan kepada temu bual secara bersemuka. Justeru, kajian memberikan maklumat sepenuhnya berkaitan dengan perkembangan syarikat, cabaran, harapan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini diharapkan agar dapat menjadi contoh kepada syarikat-syarikat pemasaran produk halal yang lain sekaligus memperbanyakkan lagi pengeluaran produk halal yang berkualiti.

Kata kunci: *Syarikat Faiza Sdn. Bhd., pemprosesan, kualiti, pensijilan halal.*

1.0 PENGENALAN

Perkembangan mengenai industri halal Malaysia yang telah berjaya menembusi pasaran global terutamanya dalam sektor makanan halal telah memajukan nama Malaysia dengan menjadikannya negara yang dihormati dan disanjung. Malah ia juga menjadikan Malaysia destinasi pilihan untuk memperkembangkan perniagaan berkaitan barangan dan perkhidmatan halal. Antara salah satu syarikat yang Berjaya maju dalam industri Malaysia adalah Syarikat FAIZA. Syarikat FAIZA bukan sebuah syarikat yang baharu dalam industri makanan halal namun ia telah ditubuhkan pada tahun 1982. Syarikat FAIZA ini menjalankan aktiviti peruncitan sebagai perniagaan terasnya. Pada tahun 1992, Syarikat FAIZA secara rasminya menjadi badan dibawah Syarikat FAIZA Sdn. Bhd (SFSB) manakala syarikat ini menjadi modal teroka dengan Padiberas Nasional (BERNAS) pada tahun 1997 (Bhd, 2023).

Pada akhir tahun 1990-an, pembeli mula menilai dengan lebih terperinci akan pemprosesan dan sifat lain produk yang boleh dimakan. Oleh itu, Syarikat FAIZA memperkenalkan dengan jenis unik beras yang berkualiti herba dari negeri Kartanaka, India Selatan. Ia merupakan beras Herba “Ponni” SFSB segera mengiktiraf faedah intrinsik yang akan diperoleh pengguna beras dengan beras “Ponni” dalam diet mereka. Hari ini, dibawah jenama Taj Mahal, beras “Ponni” telah diedarkan ke seluruh Malaysia. Sebagai sebahagian daripada manfaat, Taj Mahal telah mencipta impak yang luar biasa dalam permintaan pengguna terhadap produk beras SFSB yang lain seperti Basmathi, Beras Wangi Super Khas Thai dan Beras Tempatan (Bhd, 2023).

Kekuatan Syarikat FAIZA Sdn. Bhd ini terletak pada tenaga penggerak yang bertenaga dan professional dengan pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam bidang masing- masing yang akan menjadikan pihak mereka lebih bersedia untuk bersaing secara sihat dalam senario perniagaan beras. Hal ini demikian kerana di Syarikat FAIZA Sdn. Bhd, tidak pernah berkompromi dengan kualiti. Malah mereka sentiasa melihat ke hadapan untuk teknik dan cara yang lebih baik untuk menghasilkan, menyampaikan, berkomunikasi, mempromosi, memberi perkhidmatan dan menjual. Syarikat FAIZA Sdn. Bhd amat percaya bahawa kecemerlangan dicapai melalui semangat yang dimiliki dalam diri (Bhd, 2023)

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kajian ini diadakan kerana tidak ada sebarang kajian berkaitan pemasaran yang dijalankan sebelum ini yang hanya tertumpu kepada pengalaman sesebuah syarikat. Sehubungan dengan itu, kebanyakan

syarikat juga tidak mempunyai kedah yang betul dalam memasarkan produk. Hal ini juga berkemungkinan besar berpunca daripada medium yang mereka gunakan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengenalpasti medium pemasaran yang digunakan oleh syarikat Faiza Sdn. Bhd.
- ii. Untuk mengkaji strategi pemasaran syarikat sehingga berjaya menempa anma di peringkat global.
- iii. Untuk menganalisa cabaran syarikat Faiza Sdn. Bhd. dalam memasarkan produk halal.

4.0 TINJAUAN KAJIAN LITERATUR

Proses tinjauan kajian literatur dijalankan secara meluas adalah bertujuan untuk mendapatkan idea yang komprehensif bukan sahaja berkaitan elemen teori tetapi juga melibatkan aspek operasi. Malahan tinjauan literatur yang mendalam juga dapat membantu penyelidik untuk memahami penyelidikan yang akan dijalankan. Tinjauan literatur juga dapat membantu penyelidik menjangkakan hasil penyelidikan yang bakal diperoleh.

4.1 Konsep halal

Perkataan Halal adalah daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan. Oleh yang demikian sebahagian besar penggunaan perkataan halal adalah merujuk kepada makanan umat Islam seperti Firman Allah yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.”(Al-Qrdhawi, 1976)

Oleh yang demikian, majoriti ulama bersepakat mengatakan bahawa asal setiap sesuatu perkara adalah harus atau halal selagi tiada nas yang nyata mengharamkannya. Ternyata Islam memberi kemudahan begitu luas kepada manusia dalam mengatur kehidupannya. Oleh itu, seseorang tidak boleh sama sekali mengatakan haram kepada yang halal. Begitu juga, menghalalkan kepada yang haram (Al-Qrdhawi, 1976). Prinsip dalam makanan halal adalah penting sebagai panduan umum dan mudah difahami terhadap konsep asas perundangan syariah, Dr. Yusuf al-Qardhawi menggariskan 11 perkara dalam bukunya al-Halal wa al-Haram fi al-Islam mengenai halal haram:

1. Penentuan halal-haram adalah hak mutlak Allah semata.
2. Mengharamkan yang halal dan sebaliknya merupakan kesyirikan
3. Perkara haram akan menimbulkan keburukan dan mudarat.
4. Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram.
5. Perantara menuju keharaman adalah haram.
6. Bersiasat terhadap yang haram adalah haram.
7. Niat baik tidak menghalalkan yang haram.
8. Jauhilah syubhah agar tidak terjatuh dalam perkara haram.
9. Yang haram berlaku untuk semua orang.
10. Darurat membolehkan yang terlarang.

Oleh yang demikian, garis panduan tersebut hendaklah dijadikan sebagai panduan oleh semua umat Islam supaya dapat memudahkan mereka untuk memilih makanan yang halal dengan meneliti prinsip yang telah digariskan ini. Segala perkara yang halal sudah jelas, dan soal haram pun yang sudah jelas, sama sekali tidak ada rukhsah untuk mengerjakannya, selama masih dalam keadaan berkemampuan (Al-Qardhawi, 1976).

Dalam merentasi era kemajuan masa kini, bukan sahaja umat islam yang mampu mengeluarkan pelbagai produk makanan dimana ianya banyak disogokkan dengan unsur-unsur syubhat dalam penentuan sesuatu kehalalan keatas produk makanan tersebut. Oleh hal yang demikian, wajib bagi kita selaku umat islam memastikan akan keraguan dapat diatasi dalam pengambilan sesuatu produk makanan. Pengeluar juga perlu memainkan peranan dalam sentiasa memastikan segala prosedur dan peraturan halal yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dipatuhi bagi mengelakkan syubhat (Al-Qrdhawi, 1976).

4.2 Sistem pengurusan halal Malaysia

Sistem Pengurusan Jaminan Halal (Halal Assurance Management System) atau juga dikenali sebagai HAS mula diperkenalkan pada tahun 2011 dengan pelancaran Guidelines for Halal Assurance Management System of Malaysia Halal Certification yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sistem Pengurusan Halal Malaysia/ Malaysian Halal Management System (kemudian selepas ini disebut dengan MHMS 2020) ini diperkenalkan bagi menggantikan Guidelines for Halal Assurance Management System of Malaysia Halal Certification. MHMS 2020 ini mengandungi perincian bagi pelaksanaan MHMS yang meliputi:

- 1) Sistem Kawalan Halal Dalaman (IHCS) bagi kegunaan industri kecil dan mikro; dan
- 2) Sistem Jaminan Halal (HAS) bagi kegunaan industri besar dan sederhana.

Pelaksanaan MHMS ini meletakkan tanggungjawab kepada pihak syarikat dan/ atau pemohon untuk memastikan segala keperluan Pensijilan Halal Malaysia dipatuhi sepanjang masa.

HAS merupakan satu sistem yang baru diperkenalkan dalam Pensijilan Halal Malaysia. Sistem yang diperkenalkan ini memerlukan penglibatan serta tanggungjawab secara bersama dalam sesebuah industri. Di Malaysia, peningkatan pemegang sijil halal membataskan kekerapan pemantauan serta pengawalan oleh pihak JAKIM dan JAIN. Kesukaran ini menuntut satu pendekatan lain yang dapat membantu aspek pengawalan di peringkat industri. Justeru, amat bertepatanlah sistem ini sekiranya diperkenalkan. Pelaksanaan sistem ini masih di peringkat awal dan masih belum terdapat kajian dijalankan berkaitan dengannya. Seperti yang termaktub dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), hanya industri kecil sederhana dan multinasional sahaja yang perlu mewujudkan jawatankuasa halal dalaman (JAKIM, Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia). Arahan pelaksanaan ini tidak melibatkan industri kecil. Namun, cadangan bagi mewujudkan jawatankuasa halal dalaman oleh pengkaji di atas ke atas premis makanan yang kebanyakannya dari industri kecil adalah kurang sesuai. Ia ekoran kekangan jumlah kakitangan yang dilantik bekerja. Pelantikan eksekutif halal atau supervisor halal adalah dirasakan sudah memadai bagi premis makanan tersebut. Namun, jika cadangan tersebut terhadap premis makanan dari syarikat kategori sederhana, besar atau francais, ia adalah sesuai dan perlu untuk ditubuhkan ((JHEAINS), n.d.).

Dalam pelaksanaan sistem ini, peranan utama perlu dimainkan oleh eksekutif halal yang bertindak sebagai pengawal di peringkat industri. Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan tugas eksekutif halal di peringkat industri, Pelaksanaan Sistem Jaminan Halal ini dilihat amat penting kepada semua industri halal bukan hanya di Malaysia, malah di seluruh dunia. Bagi memenuhi keperluan halal global, HAS dilihat sebagai nilai tambah bagi meningkatkan keyakinan pengguna untuk mendapatkan produk halal. Pengaplikasian sistem ini menurutnya tidak hanya tertumpu kepada pemprosesan mengikut standard halal semata-mata, malah turut melibatkan proses pembelian bahan ramuan dan keperluan yang berkaitan. Sistem ini juga boleh diadaptasi dalam sistem sedia ada seperti Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) yang telah atau sedang diamalkan pihak industri-industri dalam memastikan kehalalan produk yang dihasilkan ((JHEAINS), n.d.).

Dalam pelaksanaan HAS, antara elemen utama yang perlu diambil perhatian ialah mengenal pasti titik kritikal yang boleh menyumbang kepada kontaminasi atau menjejaskan produk halal yang dihasilkan. Setiap titik kritikal yang dikenal pasti perlu diberi perhatian yang lebih, serta pengawalan yang ketat supaya rantai pemprosesan berjalan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Pelaksanaan Sistem Jaminan Halal perlu mengambil kira tiga asas utama yang melibatkan setiap peringkat dalam rantai

pemprosesan. Asas tersebut dikenali sebagai zero's concept. Asas utama yang dimaksudkan ialah dengan mengelakkan daripada penggunaan sebarang bahan haram yang digunakan dalam pemprosesan. Asas yang kedua pula adalah tidak menghasilkan produk yang haram dan asas yang terakhir((JHEAINS), n.d.).


Walaupun terdapat kajian demi kajian yang telah dilakukan, namun sehingga hari ini masih belum ada kajian yang memfokuskan pelaksanaan HAS secara khusus dalam industri pengilangan. Oleh itu, Kajian ini turut mengetengahkan sumbangan yang telah dilakukan oleh Sistem Pengurusan Halal Malaysia dalam proses penghasilan bahan mentah((JHEAINS), n.d.).

4.3 Logo halal di Malaysia

Halal ialah perkara yang dibenarkan mengikut undang-undang syariah dan fatwa (MS 1500: 2019). Menurut Manual Prodesur Pensijilan Halal Malaysia (2020), halal juga bermakna perkara-perkara yang dibolehkan dan dibenarkan dalam Islam berdasarkan Hukum Syarak dan fatwa. Di Malaysia, pengesahan halal mula diperkenalkan pada awal 1970an dan sejarah logo halal bermula pada 1994. Pada masa kini, logo halal Malaysia merupakan logo yang memiliki tahap piawaian yang baik dalam persijilan Halal dan telah mendapat pengiktirafan global(Sabri, 2020).

Penandaan pensijilan halal hanya boleh digunakan setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berwajib (MS1500: 2019). Ini bermakna, pihak pengusaha produk di Malaysia hanya boleh menggunakan logo halal setelah mendapat melalui proses pengauditan dan pengesahan halal sama ada daripada pihak JAKIM, MAIN atau JAIN. Berdasarkan peruntukan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia-Domestik 2020 (MPPHM-Domestik 2020), logo Halal Malaysia hendaklah digunakan oleh pemegang sijil pengesahan halal Malaysia (SPHM) yang masih sah tempoh dan penggunaan logo ini tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berwajib dan agensi-agensi lain yang berkaitan(Sabri, 2020). Oleh itu, pihak berkuasa berwajib melarang dan menghalang penggunaan logo Halal Malaysia sekiranya didapati syarikat menyalahi prosedur Pensijilan Halal Malaysia atau dikenakan tindakan di bawah mana-mana perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa. Logo Halal Malaysia boleh dicetak oleh pemegang SPHM dengan pelbagai warna mengikut kesesuaian selagi mana tidak mengubah spesifikasi logo Halal Malaysia. Bentuk dan ciri-ciri logo halal Malaysia adalah seperti mana Rajah 4.1

Rajah 1 : Bentuk dan ciri-ciri logo halal Malaysia



4.4 Cabaran pelaksanaan pengurusan halal di malaysia

Walaupun produk halal di Malaysia semakin berkembang pesat, namun terdapat juga beberapa cabaran yang mungkin dihadapi oleh syarikat. Berikut adalah beberapa cabaran dalam pelaksanaan pengurusan produk halal di Malaysia:

I. Integriti daripada pihak pengusaha produk halal

Antara isu yang dilihat menyumbang kepada kekangan pengurusan kualiti standard halal melalui penggunaan piawaian halal MS1500:2009 ialah mengenai isu integriti halal dalam operasi pengeluaran makanan. Hal ini perlu diberi perhatian secara komprehensif yang melibatkan aspek jaringan bekalan makanan iaitu daripada ladang hingga ke meja makan (farm-to-fork). Integriti individu yang terdiri

daripada pekerja, pengusaha atau pengurus yang terlibat dalam mematuhi standard yang ditetapkan adalah diragui (Alias, 2023).

II. Ketiadaan peruntukan undang-undang halal yang khusus

Cabaran utama industri halal di Malaysia adalah dari sudut perundangan kerana sehingga hari ini, Malaysia tidak mempunyai Akta Halal yang terpakai ke seluruh negara. Tujuan keperluan kepada Akta Halal ini adalah untuk memberi kuasa secara terus kepada pihak agensi kerajaan pusat seperti JAKIM untuk memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang yang sebelum ini berperanan sebagai badan yang mengendalikan persijilan halal di Malaysia. Setakat ini kuasa memantau dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan penggunaan logo halal terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pegawai JAKIM akan terlibat dalam penguatkuasaan melalui perlantikan yang dibuat oleh kementerian tersebut sebagai Penolong Perihal Dagangan. Sekiranya Akta Halal dapat direalisasikan seperti mana yang dicadangkan, pegawai JAKIM akan mempunyai bidang kuasa sendiri dan tidak perlu bergantung pada KPDNKK. Penyelarasan perkara-perkara yang berkaitan halal yang kini berada di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti kementerian kesihatan, kementerian pertanian dan pihak berkuasa tempatan dapat dilaksanakan. Namun hal ini sudah tentu mewujudkan isu dan cabaran lain terutama dalam perkara berkaitan aspek- aspek teknikal kerana ia melibatkan pengambilalihan beberapa bidang kuasa yang ada dalam agensi- agensi lain untuk diletakkan di bawah JAKIM.

III. Kesedaran pengusaha untuk memohon sijil halal

Kesedaran pengguna adalah paling kritikal apabila hal ini dirujuk kepada Bahagian Penyelidikan dan Hab Halal di Perlis. Pengusaha tidak merasakan dengan adanya sijil halal boleh memberi manfaat yang banyak kepada mereka. Hal ini kerana mereka masih boleh berniaga dengan baik dan mempunyai pengguna tetap yang tersendiri. Bagi pengusaha, proses mendapatkan sijil halal memerlukan pertambahan kos tertentu menyebabkan mereka hilang minat untuk meneruskan niat mendapatkan logo halal bagi produk atau premis mereka. Contohnya dalam kes tertentu, bagi mendapatkan pensijilan halal perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh ahli Jawatankuasa JAIN (sekiranya permohonan mendapatkan sijil halal dikemukakan ke institusi tersebut), Pejabat Perdagangan dalam Negeri, KPDNKK, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Majlis Perbandaran dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MaQiS). Dalam kes pengusaha pusat penyembelihan ayam yang diusahakan oleh orang Islam, bukan hanya perlu mendapat sijil tauliah penyembelihan tetapi perlu melepasi ujian kesihatan dan kebersihan daripada Jabatan Kesihatan. Selain itu perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Veterinar dan juga mempunyai dokumen import daripada MaQiS jika haiwan tersebut diimport daripada luar negara. Rentetan daripada kesukaran yang mungkin timbul untuk memenuhi keperluan tersebut ditambah dengan keperluan dana kewangan untuk mengubah premis mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh ahli jawatankuasa pensijilan halal menyebabkan pengusaha kurang bersungguh untuk mendapatkan sijil halal bagi produk atau premis mereka. Oleh itu, ianya jelas merupakan salah satu cabaran dalam pihak pengurusan halal di Malaysia.

4.5 Strategi keberkesanan pengurusan halal

Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 ini digubal selaras dengan visi JAKIM untuk menjadi peneraju pengurusan halal ehwal Islam di Malaysia. Semakan semula ini selaras dengan rasionalisasi JAKIM dan perubahan dasar-dasar perkhidmatan awam yang diputuskan oleh pihak-pihak berkepentingan atau pemegang taruh mengenai peningkatan kualiti pengurusan halal ehwal Islam (JAKIM, 2023).

Pelan Strategik ini diwujudkan bagi menetapkan hala tuju dan rangka kerja JAKIM seiring dengan matlamat negara untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Pelan strategik ini akan menjadikan JAKIM lebih efisien dan responsif dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama dengan membudayakan konsep ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Ia juga untuk memperkukuh fungsi dan peranan JAKIM seperti yang ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) (JAKIM, 2023).

Pelan strategik ini sangat penting sebagai panduan kepada seluruh warga JAKIM bagi melaksanakan agenda organisasi secara sistematik dan berkesan berdasarkan kepada strategi yang telah ditetapkan. Pelan ini juga menjadi rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan JAKIM ((JAKIM), 2023).

Pelan ini mengandungi latar belakang jabatan dan hala tuju strategik bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik JAKIM untuk tempoh tujuh tahun akan datang.

Bagi merealisasikan visi dan misi JAKIM, sebanyak tujuh teras strategik telah digariskan, iaitu:

Teras Strategik 1: Memperkasa Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Islam ke Arah Pelaksanaan Syariat Yang Lebih Berhikmah

Teras Strategik 2: Memperkukuhkan Pentadbiran Islam Melalui Penyelidikan dan Pembangunan Dasar yang Lebih Progresif Berteraskan Maqasid Syariah

Teras Strategik 3: Membina Keperibadian Unggul Melalui Pemerkasaan Sistem Pendidikan Islam ke Arah Kesejahteraan Ummah

Teras Strategik 4: Memantapkan Kefahaman dan Penghayatan Islam Secara Inklusif bagi Melahirkan Masyarakat yang Berakhlak

Teras Strategik 5: Mengukuhkan Rangka Kerja dan Inisiatif Halal ke Arah Mengekalkan Malaysia Sebagai Peneraju Halal Global

Teras Strategik 6: Membudayakan Tadbir Urus Organisasi Berlandaskan Nilai Kesopanan, Keprihatinan dan Kepedulian ke Arah Merakyatkan Perkhidmatan Awam

Teras Strategik 7: Meningkatkan Keupayaan Sosioekonomi Umat Islam Menerusi Penyelarasan Polisi yang Komprehensif dan Inklusif ((JAKIM), 2023)

4.6 Pemasaran produk halal menerusi bidang IT.

Seiring keperluan kepada teknologi maklumat (IT) pada era serba canggih ini, kewujudan syarikat perkhidmatan dan portal produk halal, Dagang Halal Sdn. Bhd. (DH) telah memastikan imej industri halal terus gah di mata dunia apabila turut ditunjangi elemen itu.

DH yang merupakan sebuah syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Saham London mempunyai kepakaran dalam bidang IT. Ia menjadikan pemasaran dan pengurusan pelbagai aspek halal bersifat sistematik berteraskan IT.

DH bukan sahaja menawarkan solusi bisnes menerusi laman webnya <https://www.daganghalal.com> untuk membantu syarikat-syarikat mempromosikan produk halal bahkan juga mencipta sistem pensijilan halal bagi badan-badan pengeluar sijil halal, menyediakan pangkalan data berhubung produk disahkan halal, membimbing peniaga mendapatkan sijil halal selain menghasilkan aplikasi berkaitan halal.

Pengerusi DH, Datuk Muhadzir Mohamad Isa berkata, DH turut membantu syarikat-syarikat berkenaan mempromosikan produk mereka ke luar negara dengan menyertai pameran makanan antarabangsa seperti Anuga di Jerman, FoodEx di Jepun dan Alimentaria di Sepanyol.

“Banyak syarikat telah menyatakan kepuasan mereka tentang perkhidmatan ini kerana berjaya bertemu dengan pemborong-pemborong luar negara yang berminat memasarkan produk mereka,” katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Jelasnya, DH membangunkan sistem dan aplikasi berkaitan halal seperti e-Halal iaitu sistem aplikasi yang memudahkan pemprosesan permohonan sijil halal dan HVE atau Halal Verified Engine, sebuah pangkalan data berhubung produk halal yang dibangunkan bersama hab halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Tambahnya, terkini, DH bakal melancarkan aplikasi Meembar bagi memudahkan pengguna Islam mencari lokasi restoran halal, masjid dan hotel yang boleh diakses di mana-mana dan bila-bila sahaja.

“Keunikan DH ialah kebolehannya menjadi penyampai maklumat berkaitan halal yang berguna kepada masyarakat Islam pada masa yang diperlukan” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan DH, Ali Sabri Sani Abdullah berkata, Jakim telah menggunakan khidmat kepakaran DH dalam memajukan segmen halal dan membangunkan lagi badan itu.

“Ini menunjukkan kepada masyarakat di luar bahawa Islam juga mementingkan aspek IT sekali gus terhindar daripada dipandang lekeh.

“DH telah membawa imej IT dalam memperluaskan skop-skop halal. Daripada pangkalan data yang menghimpunkan maklumat mengenai 120,000 sijil halal yang sudah dikeluarkan Jakim dan badan-badan pensijilan halal di negara-negara lain yang diiktiraf Jakim, kita dapat mengorak selangkah ke depan dengan menghasilkan aplikasi Meembar,” katanya. (METRO,2018)

4.7 Potensi dan Cabaran Pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Pemasaran Produk Makanan Halal semasa Pandemik Covid-19.

Antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pengusaha PKS untuk bersaing didalam pasaran industri produk halal ialah masalah modal, tingkat teknologi yang rendah dan sebagainya. Penyelidikan yang terdahulu menggambarkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh usahawan PKS dalam era globalisasi ini. cabaran yang dihadapi oleh usahawan PKS adalah kemelesetan, halangan dari sumber global, produktiviti yang rendah, kekurangan keupayaan pengurusan, kekurangan pembiayaan, kesukaran untuk mengakses pengurusan, teknologi dan bebanan kawalan berat. Hal ini jelas dapat dikaitkan dengan masalah yang dihadapi usahawan dalam memajukan perniagaan mereka, iaitu salah satunya ialah masalah modal yang besar yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti produk mereka yang masih rendah. Kebanyakan usahawan PKS menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan, modal insan dan pasaran. Produk yang dikeluarkan oleh usahawan PKS sukar untuk memasuki pasaran kerana mereka perlu bersaing dengan produk yang sudah mempunyai jenama dan pengguna yang kukuh didalam pasaran. Prosedur yang ketat untuk memasuki pasaran besar juga menjadi halangan untuk produk keluaran PKS memasuki pasaran besar. (Norhashimah,2021)

5.0 METODOLOGI KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan kaedah yang saintifik untuk menjelaskan strategi dan pendekatan yang digunakan dalam satu penyelidikan. Metodologi kajian merupakan kaedah bagaimana satu penyelidikan dijalankan dengan melibatkan tatacara, proses, dan langkah yang digunakan untuk mencapai objektif penyelidikan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya (Kamus Dewan, 2017). Bagi memastikan ketepatan pemilihan metodologi penyelidikan ini, penyelidik perlu melakukan empat proses utama iaitu memilih kaedah yang bersesuaian, refleksi kaedah yang telah dipilih, menilai kaedah yang telah dipilih serta mengukur dan menginterpretasi pengaruh data yang dikutip (Sarah, 2015).

5.2 Reka Bentuk Kajian

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian untuk mengumpul data dan maklumat bagi mencapai matlamat kajian (Basri, 2020). Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif etnografi iaitu suatu penelitian dimana maklumat dan datanya diperoleh melalui kajian lapangan, lokasi, mempelajari masyarakat dan belajar daripada masyarakat (Berawi, 2017). Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan data melalui perpustakaan. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai metode untuk mendapatkan maklumat untuk dikaji serta dianalisis. Kajian ini merupakan sebuah kualitatif iaitu satu penelitian maklumat dan

datanya diperoleh melalui kajian lapangan, lokasi, mempelajari masyarakat dan belajar daripada masyarakat. Pengkaji juga menggunakan pendekatan temubual separa berstruktur. Terdapat seorang informan yang telah dipilih di syarikat FAIZA iaitu Puan Jadwa Binti Abu Bakar yang menjawat jawatan sebagai pengurus syarikat Faiza Sdn. Bhd, Selangor. Terdapat satu set soalan yang terdiri daripada 14 soalan berdasarkan kajian yang di kaji.


5.3 Teknik Pengumpulan Data

Temubual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data bagi menyelesaikan kajian ini. Teknik pengumpulan data yang digunakan untuk kajian kualitatif ini adalah Teknik kajian perpustakaan, Teknik temubual separa struktur dan Teknik dokumentasi.

5.4 Teknik Kajian Perpustakaan

Penyelidik menggunakan metodologi kajian perpustakaan bagi mencari maklumat berkaitan kajian-kajian lepas berkaitan dengan penceraihan dan membahagikan pencarian Sorotan Literatur kepada beberapa tema seperti dalam rajah dibawah:

Rajah 5



5.5 Teknik Temubual

Teknik pengumpulan data secara temubual di dalam kajian kualitatif merupakan interaksi antara penyelidik dengan informan kajian meliputi topik yang mendalam dan tidak hanya terikat kepada soalan yang telah disediakan. Namun begitu temubual kualitatif melibatkan temubual bersemuka (Berawi, 2017).

Selain itu, temubual ini digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan fakta, emosi, kepercayaan dan aspek yang ingin diselidik oleh pengkaji. Teknik temubual ini mestilah diadakan perjumpaan diantara penyelidik dan informan kajian. Temubual boleh dijalankan secara tidak berstruktur, berstruktur dan separa struktur (Berawi, 2017). Temubual tidak berstruktur ini melibatkan pengemukan soalan semasa temubual dilaksanakan, tidak tersusun dan berjadual. Informan Bebas untuk memberi maklumbalas dengan cara sendiri dalam waktu yang tidak ditetapkan.

Berdasarkan penelitian diatas, kajian ini memilih kaedah temubual secara separa berstruktur dan berbentuk individu serta memerlukan penyelidik bersemuka dengan informan semasa temubual dilaksanakan. Teknik temubual ini dapat membantu penulis untuk selesaikan objektif kajian dengan baik.

Disamping itu, soalan-soalan yang akan disoal kepada informan adalah merangkumi berkaitan tentang pemasaran produk halal yang akan membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat daripada objektif kajian. Reka bentuk soalan ini dibina kepada seorang informan iaitu seorang pengurus syarikat Faiza Sdn. Bhd.

JADUAL 5.1

Informan	Jawatan
Informan 1	Pengurus Syarikat

Sumber: Hasil Temubual Penyelidik bersama Informan

Kemudian, penyelidikan telah merujuk dan berbincang dengan pensyarah mengenai soalan-soalan yang dibina bagi memastikan kerelevanan bentuk soalan itu. Penyelidik telah merujuk penyelia atau pensyarah iaitu merupakan Dr. Nur Fatin Nabilah Binti Shahrom. Penyelidik telah berjumpa dan merujuk kepada pensyarah akan soalan-soalan yang telah dibina dan mendapat kelulusan daripada pembinaan soalan yang dibuat oleh peyelidikan untuk digunakan dalam protokol temubual dibuat bersama informan. Protokol temubual ini menyenaraikan soalan-soalan yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem pengurusan Halal. Jadual dibawah menunjukkan protokol soalan yang akan ditanya kepada informan yang terlibat:

JADUAL 5.2

BIL.	ITEM
1.	Bolehkah Puan kongsi secara ringkas berkaitan sejarah Syarikat Faiza Sdn Bhd?
2.	Adakah Syarikat Faiza Sdn Bhd mendapat system pengurusan kualiti menurut islam MS 1900/MS 1500?
3.	Adakah pihak pengurusan menunaikan tanggungjawab dalam melaksanakan piawaian MS yang diambil oleh Syarikat Faiza Sdn Bhd?
4.	Apakah visi dan misi Syarikat Faiza Sdn Bhd?
5.	Pada pendapat Tuan, Adakah visi dan misi tersebut telah tercapai?
6.	Bagaimanakah pihak Tuan melakukan pemprosesan bagi menghasilkan suatu beras Syarikat Faiza Sdn Bhd yang berkualiti?
7.	Apakah medium pemasaran yang digunakn oleh pihak Tuan dalam mempromosikan produk sama ada di dalam atau luar negara?
8.	Seperti yang sedia maklum, Syarikat Faiza Sdn Bhd telah mendapat pengiktirafan logo 'HALAL' daripada pihak JAKIM. Jadi, Bagaimanakah proses pihak Tuan untuk mendapatkan pensijilan halal tersebut?
9.	Adakah produk ini telah menempah nama di peringkat global dan bagaimanakah pula dengan pengiktirafan pensijilan halal di peringkat global?
10.	Apakah kekuatan strategi pemasaran produk daripada Syarikat Faiza Sdn Bhd?

11.	Apakah cabaran unit pemasaran dalam mempertahankan produk Syarikat Faiza Sdn Bhd?
12.	Apakah peluang yang ingin dimiliki oleh unit pemasaran Syarikat Faiza Sdn Bhd?
13.	Bagaimanakah peratusan keuntungan sebelum dan selepas mendapatkan pensijilan halal?
14.	Apakah harapan unit pemasaran Syarikat Faiza Sdn Bhd dalam jangka masa panjang?

Sumber: Hasil Temubual Penyelidik bersama Informan

5.6 Analisis Tematik

Analisis tematik adalah teknik untuk mengenalpasti tema dan paten makna merentasi data-data maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian dan kebiasaanya teknik ini digunakan secara meluas dalam metode kualitatif untuk bahagian analisis data.

a) Langkah Pertama (Transkripsi)


Pelaksanaan kajian kualitatif memerlukan proses memindahkan kandungan temubual kepada bentuk transkripsi bagi membolehkan penyusunan data yang tersusun dan teratur. Proses transkripsi ini memerlukan penyelidik untuk mencatatkan semula rakaman temubual bersama informan daripada Syarikat FAIZA. Proses menyiapkan transkripsi dilakukan oleh penyelidik secara berperingkat kerana terapat kekangan waktu untuk mengumpul rakaman temubual lengkap.

b) Langkah Kedua dan Ketiga (Pengekoden Teks dan Menandakan Teman Deskriptif). Pengekoden teks dalam kajian kes memerlukan penelitian dan dilakukan secara berhati-hati. Proses pengekoden biasanya dikenalpasti melalui persoalan kajian atau kerangka konsep. Berdasarkan kajian ini, pengekoden adalah merujuk senarai soalan yang telah dibina untuk ditanya semasa temubual.

c) Langkah Keempat (Menghasilkan Analisis dan Kesimpulan)

Langkah keempat adalah menghasilkan analisis dan kesimpulan bagi mendapatkan jumlah pengekoden rujukan. Berdasarkan proses analisis data adalah merupakan proses merumuskan, mengurus dan mempersembahkan data dalam bentuk jadual, matriks atau grafik. Proses ini sebagai Langkah awal sebelum saling menghubungkan antara data-data yang telah dikumpul.

Oleh itu, Langkah selanjutnya, setelah proses pengekoden dalam teks telah selesai, penyelidik menggunakan kaedah analisis Code-Document Table untuk melihat jumlag rujukan kod yang melibatkan perkaitan hubungan antara jumlah informan dan tema atau sub tema yang telah dibina. Rajah dibawah menunjukkan secara terperinci proses analisis Code-Document Table yang diringkaskan oleh bantuan perisian Atlas.ti23 dalam bentuk jadual:




Rajah 6.2: Proses Analisis Data Bagi Mendapatkan Jumlah Rujukan Kod Sumber: Hasil Temubual Penyelidik

5.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan boleh dikaitkan tentang kesempurnaan sesuatu penyelidikan. Kesahan boleh difahami sebagai ketepatan manakala kebolehpercayaan adalah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan.

5.8 Semakan Ahli

Semakan ahli bermaksud proses merujuk semula data dan makna yang diberikan oleh penyelidik kepada peserta kajian atau responden. Berdasarkan kajian yang akan dilakukan ini, setelah memperolehi setiap data penting yang diperlukan menerusi teknik-teknik pengumpulan data dan berkaitan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Halal di Malaysia: Kajian Kes Di Syarikat Faiza SDN BHD, penyelidik akan menghantar semula transkripsi temubual yang telah siap kepada informan-informan yang terlibat melalui Whatsapp dan mendapat maklumbalas dalam beberapa hari selepas itu. Penghantaran semula transkripsi tersebut adalah tidak bercanggah dengan maklumat dengan maklumat dari informan. Rajah di bawah menunjukkan maklumbalas daripada pihak informan bagi mengesahkan teks transkripsi yang ditaip adalah tidak bercanggah dengan maklumat yang disampaikan oleh para informan sewaktu temubual kajian dijalankan.



Rajah 6.3 Semakan Ahli
Sumber: Hasil Temubual Penyelidik

6.0 DAPATAN KAJIAN

Menggunakan pendekatan analisis kualitatif ini, pengkaji telah menganalisis transkripsi semua hasil temu bual mengikut tema bagi kajian ini. Antara dapatan kajian yang diperoleh adalah:

6.1 Latar belakang Syarikat Faiza Sdn.Bhd

